

<b>Headline</b>	<b>Perkuuhkan semula Pengembangan Pertanian</b>		
<b>Date</b>	<b>13. Jun 2008</b>	<b>Language</b>	<b>MALAY</b>
<b>Media Title</b>	<b>Utusan Malaysia</b>	<b>Page No</b>	<b>10</b>
<b>Section</b>	<b>Supplement</b>	<b>Article Size</b>	<b>824 cm<sup>2</sup></b>
<b>Circulation</b>	<b>238082</b>	<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>
<b>Readership</b>	<b>833287</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>



# Perkuuhkan semula pengembangan pertanian

## AGREX08

PERSIDANGAN Antarabangsa Pengembangan Pertanian 2008 (AGREX 08) yang diadakan pada 16 hingga 19 Jun ini sememangnya tepat pada masanya bagi memperjelaskan betapa pentingnya aktiviti pengembangan diaktifkan semula dalam usaha memajukan bidang pertanian.

Persidangan yang dianjurkan bersama oleh Pusat Pengembangan, Keusahawan dan Pemajuan Profesional (APEEC) Universiti Putra Malaysia (UPM), dengan kerjasama Jabatan Pertanian dan Universiti Tehran itu penting bagi memastikan aktiviti pengembangan diperkuuhkan semula bagi membolehkan kumpulan sasar mendapat maklumat dan khidmat nasihat yang cukup berkaitan projek yang mereka usahakan.

Menurut Pengarah APEEC, Prof. Dr Azimi Hamzah, persidangan kali ini boleh dianggap sebagai aktiviti pengembangan dihidangkan semula dalam usaha menyalurkan bantuan kepada kumpulan sasar dari penyelidik yang mana pengamal aktiviti pengembangan berfungsi sebagai agen pemangkin kemajuan pertanian.

"Dalam sistem pengembangan, ia bergerak dalam rantaian yang bermula di pusat penyelidikan ke kumpulan sasar dengan agensi pengembangan sebagai perantara," ujarnya.

Lebih signifikan lagi, persidangan tersebut dianjurkan oleh UPM yang telah dikenal pasti sebagai satu-satunya universiti yang terlibat secara langsung dengan pembangunan sektor pertanian.

Ini menunjukkan UPM bertanggungjawab untuk memberi kepimpinan dalam apa jua sub-bidang pertanian dan



DR. AZIMI HAMZAH

Pada masa sama, UPM merupakan satu-satunya universiti di Malaysia yang mempunyai paling ramai pemegang doktor falsafah dalam bidang pengembangan pertanian.

Menurut Dr. Azimi, persidangan kali ini dijangka dihadiri seramai 200 orang peserta termasuk pembentang kertas kerja dari dalam dan luar negara antaranya pegawai akademik daripada universiti tempatan dan luar negara.

Golongan lain turut mengambil bahagian termasuk pegawai daripada



PROGRAM pengembangan memerlukan pegawai pertanian 'turun padang' membimbing petani mengusahakan projek mereka.

- Gambar hiasan

institusi dan agensi pembangunan pertanian tempatan dan luar negara, ahli korporat dan pelajar siswazah lanjutan daripada universiti tempatan dan luar negara.

Peserta dan pembentang luar negara yang dijangka mengambil bahagian adalah dari Iran, Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom, Jerman, Australia, Jepun, China, Korea, Thailand, Singapura dan lain-lain.

Adalah dijangkakan sejumrah 40 kertas kerja akan dibentangkan dalam persidangan ini.

Persidangan ini diisi dengan dua aktiviti utama iaitu bengkel prapersidangan iaitu pembangunan koperasi pertanian yang bertujuan memberi pendedahan dan kemahiran dalam pengembangan menerusi aktiviti koperasi.

Bengkel ini akan diketuai oleh pakar koperasi pertanian, Prof. Dr. Iraj Malak Mohammadi dari Universiti Tehran, Iran.

Bengkel kedua puluh akan menyentuh mengenai penilaian impak projek pertanian yang bakal mendedahkan peserta kepada pengetahuan untuk menilai kesan projek pertanian yang dijalankan. Bengkel akan diketuai oleh Prof. Dr. Rahim Md. Saleh dari UPM.

Acara yang tidak kurang pentingnya ialah dialog pakar yang bakal menghimbau tokoh-tokoh berkaitan.

Selain tokoh-tokoh tersebut, antara pembentang lain ialah Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia Roseley Datuk Khalid dan Timbalan Pengarah Jabatan Pengembangan Pertanian Thailand, Prof. Apichai Chingprapa.

### Tema kertas akan merangkumi topik-topik berikut:

Memantapkan Literasi Pertanian dalam sub-bidang berikut:

- Penyelidikan & pembangunan & penyebaran
- Pengembangan koperasi
- Pendidikan sepanjang hayat
- Teknologi maklumat dan komunikasi dan pengembangan pertanian
- Polisi pengembangan dan pelan strategik
- Pengembangan keusahawanan
- Komuniti tani dan pembangunan luar bandar
- Profesionalisme pekerja pengembangan
- Institusi pertanian, sistem dan model penyampaian
- Pemindahan teknologi secara partisipatif
- Pengembangan di bandar
- Pembangunan pakar dalam bidang pra-siswazah, siswazah dan lepasan siswazah pendidikan pengembangan

pertanian dan latihan dalam perkhidmatan.

Mereka yang berminat untuk menyertai persidangan ini boleh menghubungi:

Sekretariat AGREX08  
APEEC, Universiti Putra Malaysia  
43400, Serdang, Selangor, Malaysia.  
Maklumat lanjut boleh diperoleh dengan menghubungi 03-89467668 (Prof. Madya Dr. Nordin Abd. Rahman), 03-89467501 (Dr. Norsida Man) atau faksimile: 603-89466964/7236/7502 atau emel: agrex08@putra.upm.edu.my atau agrex08@apeec.upm.edu.my

### Tujuan persidangan

- Menggalakkan pertemuan ahli akademik, pakar-pakar dan pengamal pengembangan pertanian, pengubal polisi, penyelidik, ahli industri dan kumpulan atau individu dalam dan luar negara di bawah satu bumbung.
- Bertujuan untuk sama-sama membincangkan polisi, isu, prospek, strategi pelbagai amalan dan aktiviti pengembangan pertanian, serta konsep lanjut berkaitan dengan pengupayaan masyarakat tani dan pemindahan teknologi secara partisipatif yang boleh dimanfaatkan bersama.
- Mempromosikan pengembangan pertanian mapan melalui kolaborasi serantau dan mewujudkan Persatuan Profesional Pakar Pengembangan di peringkat ASEAN.